



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA

MEDAC MELALUI AGENSI OPTIMIS BANTU USAHAWAN DAN KOPERASI DI JOHOR DENGAN MENYALURKAN PERUNTUKAN SEBANYAK RM 9 JUTA

Johor Bahru, 18 Mac 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensi-agensi seperti UDA Holdings Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNS), TEKUN Nasional, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Rakyat telah mengambil langkah proaktif bagi membantu usahawan dan koperasi di Johor dengan menyalurkan bantuan pembiayaan sebanyak **RM9 juta**.

Dalam Majlis Penyerahan *mock cheque* Bantuan Pembiayaan kepada Usahawan dan Koperasi di negeri Johor yang berlangsung di Angsana Mall, SKM telah menyalurkan sebanyak **RM4.56 juta** kepada koperasi terpilih melalui Program Tabung Modal Pembiayaan (TMP) SKM, Geran Bantuan Pembangunan (Pembangunan Perniagaan dan Kecemasan) dan Program Pengukuhan Koperasi (PPK MEDAC) yang merupakan kerjasama strategik antara MEDAC dan Kementerian Pertanian Industri Makanan (MAFI).

Manakala jumlah pembiayaan sebanyak **RM2.67 juta** juga turut disampaikan kepada lapan (8) usahawan PNS iaitu Al Mizan Satay House, Rosa & Hafiz Food Beverages, MJ Great Sdn Bhd, Paklah Marketing, Light Rhythm Sdn Bhd, FND Empire F&B Sdn Bhd, Harris Legacy Resources dan FTV FoodTruck Valley.

Menerusi pembiayaan melalui Bank Rakyat pula, sejumlah **RM1.35 juta** disampaikan kepada lima usahawan Bank Rakyat di Johor yang baharu diluluskan pembiayaan iaitu Selat Tebrau Security Services Sdn Bhd, Iltizam

Mafza Petromart, Pancaran Selatan Sdn Bhd, H.J. Enterprise dan AS1 Enterprise.

Pada majlis yang sama, TEKUN Nasional juga telah menyalurkan sebanyak **RM225 ribu** kepada **50 orang usahawan** yang belum lagi mempunyai Pendaftaran Perniagaan (SSM) ataupun lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Skim Pembiayaan Informal (SPIN). Dengan pembiayaan di bawah SPIN diharap dapat membantu usahawan yang baru memulakan perniagaan tanpa daftar perniagaan atau lesen perniagaan dalam tempoh pandemik ini.

“MEDAC berharap agar para usahawan mampu untuk terus berdaya saing dalam setiap bidang yang diceburi menerusi pembiayaan yang diberikan dan menjadikan setiap cabaran sebagai peluang untuk meneroka perspektif yang lebih luas. Ia juga bertepatan dengan Perancangan Strategik 2021 Kementerian yang dirangka berdasarkan pendekatan 5E iaitu *Enculture* (membudayakan), *Enable* (mengaktifkan), *Empower* (memperkasakan), *Energise* (penjanaan tenaga) dan *Engage* (penglibatan) yang menjadi hala tuju untuk menyokong ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif.” ujar YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Bagi membantu para peniaga di Angsana Mall untuk meneruskan perniagaan ketika berhadapan situasi yang tidak menentu akibat pandemik COVID-19, UDA juga telah memperuntukkan sebanyak **RM1.4 juta** sebagai insentif bersasar kepada penyewa yang terkesan.

MEDAC bersama agensi yang terlibat amat berbesar hati dengan inisiatif bantuan pembiayaan yang disalurkan kepada para usahawan di Johor. MEDAC kekal komited demi untuk membantu para usahawan agar lebih berdaya saing dalam situasi pandemik dan melahirkan ramai usahawan-usahawan baharu selaras dengan Teras Strategik 3 dalam Dasar Keusahawanan Nasional iaitu “Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik”.